

Sinar Harian 25/3/2018 m/s 22

Berpuluhan tahun kumpul duit beli bot

DUNGUN - Selepas mengumpul duit berpuluhan-puluhan tahun, seorang nelayan akhirnya berjaya memiliki sebuah bot nelayan kelas Cyang bernilai RM400,000.

Wan Yusof Wan Mohamad berkata, dia menjadi nelayan sejak berusia 14 tahun dan bermula dari awak-awak, bapa kepada empat anak itu berusaha untuk menjadi tekong.

"Usaha saya bermula daripada bawah dan bukannya boleh mencapai tahap ini

dalam sekelip mata.

"Dalam tempoh empat tahun menjadi awak-awak, saya berjaya menjadi tekong.

"Daripada sekecil-kecil bot saya akhirnya berjaya memiliki bot sebesar ini dan daripada nelayan kelas A berjaya mendapat lesen kelas C," katanya ketika program penyerahan lesen di pekarangan Pejabat Perikanan Daerah Dungun.

Hadir sama, Pegawai Pembangunan Dungun,



Bot kelas A bernilai RM400,000 yang dibeli hasil titik peluh nelayan itu sendiri.



Nawawi (tengah) mengiringi Din menyerahterahkan lesen kelas A kepada Wan Yusof.

Datuk Din Adam dan Pengarah Perikanan Negeri, Nawawi Ali.

Katanya, selepas lebih 30 tahun menjadi nelayan, dia kini berusaha mencari pelapis muda untuk dilatih menjadi nelayan yang berjaya.

"Sekarang saya mempunyai dua bot kelas A dan sebuah bot kelas C.

"Saya juga ada lapan pekerja dan kebanyakannya adalah awak-awak lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)."

"Mereka kurang cemerlang dalam pelajaran dan saya ajak mereka ke laut de-

ngan harapan dapat menjadi nelayan yang berjaya pada masa hadapan," katanya.

Menurutnya, apa yang dimiliki sekarang adalah hasil titik peluhnya sendiri.

"Memang sejak dulu saya kumpul duit untuk membeli bot dan akhirnya impian ini menjadi kenyataan."

"Memang saya berusaha keras untuk berada pada tahap ini dan berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat memberi sokongan."

"Terutamanya Jabatan Perikanan, persatuan nelayan dan pemimpin setempat," katanya.